


PETIKAN 1 : FAKTA SAINS

*Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.
Dengar petikan berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.*

Leptospirosis ialah penyakit berbahaya yang lebih dikenali sebagai kencing tikus oleh masyarakat awam di Malaysia. Leptospirosis mula dikesan pada tahun 1886. Penyakit ini berpunca daripada bakteria Leptospira. Penyakit ini disebarkan oleh tikus melalui air atau tanah dan menjangkiti manusia melalui kulit, mata, hidung atau makanan. Oleh itu, masyarakat digalakkan menjaga kebersihan diri dan tempat tinggal. Penyakit ini amat berbahaya. Jika tidak dirawat dengan segera boleh mengakibatkan kematian. Simptom jangkitan ialah demam panas, sakit kepala, badan menggigil, sakit otot dan muntah.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

1. Lengkapkan maklumat berikut.



[4 markah]

2. Tandakan [✓] bagi pernyataan yang betul dan salah [X] bagi pernyataan yang salah.

a	Leptospirosis disebarkan melalui air dan udara.	✓
b	Penyakit ini boleh mengakibatkan kematian.	✓
c	Penyakit ini berpunca daripada tikus dan lipas	X
d.	Bakteria Leptospira yang membiakkan penyakit ini.	✓
e	Demam panas dan muntah antara simptom penyakit ni.	✓

PETIKAN 2 : IKLAN

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar iklan berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.

JAWATAN KOSONG

**SYARIKAT PENGIKLANAN INGIN MENCARI PEKERJA
SEBAGAI KERANI AKAUN SEPARUH MASA DAN SEPENUH MASA
DI SEKITAR NEGERI MELAKA**

Calon yang diutamakan ialah:

- Penganggur
- Pelajar yang mencari kerja sambilan
- Pekerja yang ingin menambah pendapatan
- Berumur antara 20 tahun hingga 35 tahun

Sila hubungi nombor berikut:
Encik Samy : 013-7738999
Puan Ainun : 013-7738886

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan iklan yang diperdengarkan.

Bulatkan jawapan yang betul bagi **soalan 1**

1. Yang berikut merupakan calon yang diberi keutamaan dalam mengisi kekosongan jawatan,kecuali

JAWAPAN	Calon
A	Pekerja yang ingin mencari kerja sambilan
B	Penganggur
C	Pekerja yang tinggal di Melaka sahaja
D	Pelajar yang ingin menambah pendapatan

[1 markah]

2. Pekerjaan ini ditawarkan kepada golongan yang berumur tidak melebihi **35 tahun**

[1 markah]

3. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **Encik Samy dan Puan Ainun**

[2 markah]

PETIKAN 3 : DIALOG

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar dialog berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.

- Hakim : Apakah yang sedang awak baca di surat khabar itu, Selvi?
Selvi : Saya sedang membaca tentang seekor anak harimau yang telah mati dilanggar kereta.
Hakim : Kasihan.Sudahlah spesies harimau di negara ini semakin berkurangan. Sekarang,harimau dan haiwan liar lain seperti tapir,beruang dan gajah banyak yang menjadi mangsa kemalangan.
Selvi : Betul kata awak. Saya rasa pihak kerajaan perlu mengambil langkah drastik bagi membendung masalah ini.
Hakim : Sebestarnya pihak berwajib sudah pun meletakkan papan tanda seperti “Awas Tapir Melintas” tetapi pemandu mengambil sikap sambil lewa. Akibatnya binatang liar ini mati dilanggar pemandu yang tidak bertanggungjawab.
Selvi : Mungkin juga haiwan-haiwan liar itu keluar dari hutan kerana habitat mereka telah diganggu.
Hakim : Itu semua berpunca daripada pembalakan haram dan juga perburuan haram. Inilah punca haiwan- haiwan ni semakin pupus.
Selvi : Kalau begitu, mereka mestilah dikenakan denda lebih berat agar mereka tidak mengulangi perbuatan jahat itu lagi.
Hakim : Saya setuju. Mudah-mudahan masalah ini dapat diatasi demi mengelakkan kepupusan haiwan liar.


Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan cerpen yang diperdengarkan.

1. Selvi sedang membaca **surat khabar** semasa bercakap dengan Hakim. [1 markah]
2. Nyatakan tajuk berita yang dibaca oleh Selvi?
seekor anak harimau yang telah mati dilanggar kereta. [1 markah]
3. Senaraikan haiwan liar yang menjadi mangsa kemalangan?
harimau,tapir,beruang dan gajah
***1 jawapan,1 markah** [4 markah]
4. Haiwan-haiwan liar keluar dari hutan kerana **habitat mereka telah diganggu.** [1 markah]
5. Nyatakan punca haiwan liar semakin pupus?
pembalakan haram dan juga perburuan haram
***1 jawapan,1 markah** [2 markah]

PETIKAN 4 : INFO

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar maklumat berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.



1. Bulatan Paya

- Perjalanan sejauh 630 meter meniti pelantar laluan.
- Memerhatikan ayam pegas mengais makanan.

2. Bumbun Tahan

- Pondok pemerhatian hidupan liar di kawasan padang ragut.
- Sering dikunjungi mamalia ungulata seperti rusa sambar, kijang dan babi hutan.

3. Titian Kanopi

- Berjalan kaki ke titian ini mengambil masa 45 minit, namun khidmat bot dari sungai Tembeling akan disediakan.
- Merentas titian kanopi sepanjang 510 meter mengambil masa 40 minit.

4. Bukit Tereseq

- Terdapat dua buah tinjau di puncak bukit. Tinjau pertama menghadap Sungai Tembeling. Tinjau kedua pemandangan pergunungan dan Sungai Tahan.
- Jenut muda yang terdiri daripada dua kolam berlumpur akan ditemui dalam perjalanan turun ke Sungai Tahan.

5. Lubuk Simpon

- Berjalan kaki di atas pelantar laluan dari Pusat Pelawat mengambil masa 20 minit
- Mempunyai tebing yang berpasir dan cetek.
- Amat sesuai untuk berkelah dan berenang.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan maklumat yang diperdengarkan.

Litar Bukit Tereseck terletak di Taman Negara di Pahang. Di Bukit Tereseck terdapat **dua** buah tinjau. Sebelum tiba ke Bukit Tereseck. Para pengunjung perlu melalui Bulatan Paya. Melalui kawasan ini akan berpeluang melihat ayam pegas **mengais makanan**. Perjalanan paling mencabar ialah berjalan di atas **Titian Kanopi** yang mengambil masa selama 45 minit. Apabila melintasi **Bumbun Tahan** akan kelihatan mamalia seperti babi **hutan, kijang** dan rusa sambar. Manakala di Lubuk Simpon pula, pelantar disediakan untuk pejalan kaki yang mengambil masa lebih kurang 20 minit. Kawasan ini berpasir dan amat sesuai untuk aktiviti **berkelah** dan **berenang**. Meneroka alam yang indah merupakan salah satu cara menghilangkan tekanan. Hargailah warisan alam kita.

[8 markah]